

2.9 JUTA RAKYAT MALAYSIA TERPILIH **TERIMA SUBSIDI PETROL**


Kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) akan mendapat manfaat daripada Program Subsidi Petrol yang dilancarkan kerajaan semalam membabitkan jumlah tanggungan kerajaan sebanyak RM65.4 juta sebulan

MUKA 2 & 3



Program Subsidi Petrol dikhususkan kepada penerima BSH yang memiliki kenderaan mengikut kriteria ditetapkan iaitu RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 bagi motosikal yang akan dimasukkan ke dalam akaun penerima."

- Kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pada sidang media di Putrajaya semalam.



PROGRAM SUBSIDI PETROL

Dibayar empat bulan sekali

Bayaran subsidi petrol dikreditkan terus kepada akaun penerima BSH

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Program Subsidi Petrol (PSP) yang bakal dilaksanakan Januari 2020 menyalurkan bantuan tunai yang dikreditkan terus kepada akaun penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang mempunyai kenderaan setiap empat bulan sekali.

Kadar subsidi petrol ialah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan untuk motosikal.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, PSP menggantikan subsidi petrol sedia ada.

Menurutnya, subsidi ketika ini dinikmati semua orang tanpa mengira kelayakan dan pendapatan.

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



“PSP akan mengubah sasaran subsidi petrol kepada golongan layak iaitu warganegara berpendapatan rendah yang sangat memerlukan bantuan tersebut.”

- Saifuddin Nasution

“Bagaimanapun, PSP akan mengubah sasaran subsidi petrol kepada golongan layak iaitu warganegara berpendapatan rendah yang sangat memerlukan bantuan tersebut,” katanya.

Selain itu, katanya, penerima BSH perlu memenuhi kriteria pemilikan kenderaan yang telah ditetapkan iaitu kereta 1,600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1,600cc yang berusia 10 tahun ke atas.

“Kategori motosikal yang layak adalah motosikal 150cc dan ke bawah dan motosikal melebihi 150cc

yang berusia tujuh tahun ke atas,” katanya pada sidang media pengumuman program PSP di Dewan Serbaguna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Putrajaya semalam.

Beliau berkata, program PSP merupakan bentuk bantuan kewangan untuk membantu rakyat membayai sebahagian kos penggunaan petrol.

“Prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh kerajaan adalah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama dan dasar

berpandukan data.

“Ini berdasarkan data asas yang bersih diperolehi daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan BSH,” katanya.

Menurutnya, KPDNHEP menjangkakan seramai 2.8 juta penerima akan mendapat manfaat daripada program subsidi tersebut dengan anggaran tanggungan bagi pelaksanaan sebanyak RM65.4 juta sebulan.

Orang ramai boleh menyemak kelayakan Program Subsidi Petrol di portal psp.kpdnhep.gov.my bermula 15 Oktober.

HARI : SELASA
TARIKH : 8/10/2019
M/SURAT : 2

**Program Subsidi
Petrol (PSP)**

JANUARI 2020

- Mula dilaksakan

**RM65.4 JUTA
SEBULAN**

- Anggaran tanggungan kerajaan

2.8 JUTA

- Penerima program PSP



KERETA

- RM30/bulan
- 1,600cc dan ke bawah
- 1,600 cc ke atas bagi kereta berusia lebih 10 tahun

MOTOSIKAL

- RM12/bulan
- 150cc dan ke bawah
- 150cc ke atas bagi motosikal berusia lebih 7 tahun

